

26 NOV 1998

Karnival

KARNIVAL UDARA LANGKAWI TURUT DISERTAI SINGAPURA DAN THAILAND

LANGKAWI, 26 Nov (Bernama) -- Enam pesawat ringan dari Singapura dan Thailand akan turut dipamerkan pada Karnival Udara Langkawi 1998 di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini pada 5 hingga 7 Dis.

Timbalan Presiden Kelab Rekreasi Udara Langkawi (KRUL) Mansor Haji Ismail berkata lima pesawat dari Singapura itu termasuk jenis Robin 250 dan Tobago 200 manakala Thailand menghantar sebuah pesawat ringan.

Katanya sehingga ini sebanyak 64 pesawat ringan dari kelab-kelab penerbangan di seluruh negara disahkan menyertai karnival itu.

Karnival itu dijangka dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

KRUL sendiri akan mempamerkan lima pesawat miliknya termasuk Twin dan GT500 yang dibeli daripada Amerika Syarikat, katanya kepada pemberita selepas menerima sumbangan RM50,000 untuk pembiayaan penganjuran karnival itu di sini hari ini.

Sumbangan itu diberi oleh Airod Sdn Bhd, SME Aviation Sdn Bhd dan Aerospace Industries Malaysia Sdn Bhd.

Menurut Mansor karnival itu dianjurkan oleh KRUL dan Jabatan Penerbangan Awam manakala acara sampingan dikelolakan oleh Red Creative Sdn Bhd.

Mansor berkata pelbagai acara diatur sempena karnival itu termasuk pertunjukan payung terjun dan persembahan pesawat serta helikopter.

Bayaran masuk menyaksikan karnival itu hanya RM1 seorang.

Mansor berkata bagi memeriahkan karnival itu juga acara sampingan pertandingan melipat kapal terbang kertas dan juga pertandingan melayangkan kapal terbang kertas, sepak takraw terbuka, bola sepak jalanan dan bola tampar jalanan, turut diadakan.

-- BERNAMA

ZI RON